

04/07/2001

Dana penyelidikan untuk pelajar

Nor Afzan Mohamad Yusof

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama Kementerian Pendidikan akan menyediakan peruntukan khusus bagi bidang penyelidikan kepada pelajar sekolah menengah.

Menterinya, Datuk Law Hieng Ding, berkata perkara itu dicadangkan berikutan ramai pelajar yang inovatif dan kreatif dalam bidang sains dan teknologi.

Law berkata, beliau berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pengwujudan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi menyediakan peruntukan khas itu.

"Ini kerana daripada pemerhatian saya, ramai pelajar sekolah yang mampu menghasilkan penyelidikan berkualiti, inovatif dan kreatif.

"Bagaimanapun jumlah peruntukan ini masih dalam perbincangan," katanya.

Law berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Inovasi dan Rekacipta 2001 sempena Ekspo Sains dan Teknologi 2001 yang berakhir hari ini, di sini. Ia berlangsung selama empat hari bermula 30 Jun lalu.

Ekspo itu anjuran Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (Mint) dengan kerjasama Persatuan Penyelidikan Sains Malaysia (Mars) dan diadakan sempena sambutan Jubli Perak kementerian itu.

Turut hadir, Ketua Pengarah Mint, Datuk Dr Ahmad Sobri Hashim.

Law yang enggan mengulas lanjut mengenai peruntukan berkenaan, berkata sehingga kini katanya, institusi pengajian tinggi (IPT) saja yang menerima peruntukan dalam bidang penyelidikan.

Dalam ucapannya, Law berkata, kerajaan dan kementerian menyeru orang ramai melipatgandakan usaha memanfaatkan RM1.5 bilion yang diperuntukkan bagi bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

"Dengan peruntukan itu, saya berharap orang ramai memanfaatkannya untuk menghasilkan lebih banyak inovasi dan penemuan baru yang bukan saja dapat membantu memudahkan kehidupan manusia malah dapat meningkatkan daya saing negara ini di pasaran global," katanya.

Ekspo itu juga diiktiraf dalam Malaysia Book of Records sebagai pameran sains dan teknologi terbesar di Asia Tenggara dengan penyertaan 150 peserta.

Dalam pertandingan itu peserta kategori universiti menerima lima pingat emas, 14 pingat perak dan 23 gangsa; institut penyelidikan pula menerima tiga (emas), dua (perak) dan tiga (gangsa) sementara syarikat dan persendirian menerima dua (emas), empat (perak) dan lapan (gangsa).

Antara yang memenangi pingat emas ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Dr Tahir Ahmad dan Dr Rashid Shah Ahmad daripada UTM antara pemenang pingat emas menerusi kajian Teknik Baru Mengesan Sawan berkata, kajian itu diperoleh menerusi kiraan fizik dan matematik dan diaplikasikan dalam bidang perubatan.

Dr Rashid berkata, penemuan itu diharapkan dapat dijadikan panduan dalam bidang perubatan negara ini.

"Ini adalah kejayaan semua dan saya berterima kasih kepada pelbagai pihak yang memberi sokongan," katanya.

(END)